


LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK IPOH-PADANG BESAR

Senarai Stesen (IpoH-Padang Besar)

PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK (IPOH-PADANG BESAR)



Perlis
Padang Besar*
Bukit Keteri
Arau*+

Kedah
Kodiang
Anak Bukit +
Alor Setar
Kobah
Gurun
Sungai Petani*

Pulau Pinang
Tasek Gelugor
Butterworth*
Bukit Tengah
Bukit Mertajam*
Simpang Ampat
Nibong Tebal

Perak
Parit Buntar
Bagan Serai
Kamunting
Taiping*
Padang Rengas
Kuala Kangsar*+
Sungai Siput
Tasek

+ Stesen DiRaja
* Stesen Utama



Pengenalan

Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh ke Padang Besar merupakan sebahagian daripada projek kerajaan untuk meningkatkan standard pengangkutan rel di Malaysia, sekaligus membolehkan rakyat menikmati sistem pengangkutan awam yang lebih pantas, lebih selamat dan lebih selesa pada harga yang berpatutan.

Apakah itu PLBE?

PLBE merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk memodenkan rangkaian rel di Malaysia. PLBE dari Ipoh ke Padang Besar adalah sambungan dari projek Rawang ke Ipoh yang telah dibina sebelumnya.

PLBE dari Ipoh ke Padang Besar menggantikan landasan keretapi satu trek sedia ada dengan landasan berkembar elektrik yang baru.

Dengan jarak keseluruhan sepanjang 329km, PLBE merentasi empat negeri utama di utara iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. PLBE membabitkan rekabentuk dan pembinaan infrastruktur serta kerja-kerja landasan berkembar, elektrifikasi, semboyan dan komunikasi

Apakah yang terkandung dalam PLBE?

PLBE merangkumi projek menaik taraf stesen keretapi dan depoh, pembinaan landasan berkembar, terowong, jambatan, jambatan sungai, jejantas pejalan kaki/motorsikal, laluan di bawah landasan, kuarters KTMB serta kerja-kerja sistem. Sebuah jambatan putar baru juga dibina di Perai, Pulau Pinang, sementara "Marine Viaduct" sepanjang 3.5km dibina merentasi Tasik Bukit Merah di Perak. Selain itu, terdapat dua buah terowong keretapi turut dibina iaitu Terowong Larut sepanjang 0.33km dan Terowong Berapit sepanjang 2.97km di Perak.

Bagaimanakah sistem perhubungan PLBE dilaksanakan ke negeri-negeri lain?

PLBE menghubungkan Padang Besar, Perlis ke Ipoh, Perak dan seterusnya ke landasan keretapi elektrik sedia ada yang menuju ke ibu kota Malaysia di Kuala Lumpur. Dari hab utama keretapi di KL Sentral, para penumpang boleh menggunakannya untuk berulang alik ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Apakah kelebihan-kelebihan PLBE?

Am

PLBE akan memendekkan tempoh perjalanan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas yang lazim dihadapi oleh pengguna jalan raya. Selain itu, penggunaan lokomotif elektrik di Landasan Berkembar Elektrik juga menguntungkan perniagaan setempat serta perkhidmatan penghantaran dan kargo dengan meningkatkan frekuensi perkhidmatan dan keberkesanan perkhidmatan selain mengurangkan waktu perjalanan dan kos bahan api fosil yang tidak menentu berbanding pengangkutan darat atau udara. Ia juga lebih mesra alam sekitar kerana tidak mengeluarkan sisa berbahaya dan menjimatkan bahan api.

Pengguna

Para pengguna akan menikmati sistem pengangkutan awam yang lebih pantas, lebih selamat dan lebih selesa pada harga yang berpatutan apabila perkhidmatan komuter dan tren elektrik digunakan di PLBE. Stesen-stesen keretapi baru yang dilengkapi kemudahan mesra pengguna bagi orang kurang upaya (OKU) juga dibina. Selain itu, kemudahan seperti lebih ruang letak kereta, tandas awam, lif, eskalator, surau dan kaunter tiket elektronik serta platform berbumbung juga disediakan. Sistem pengangkutan rel yang mampu mencecah kelajuan sehingga 140km/j ini bukan sahaja memudahkan malah turut memberikan pengalaman perjalanan rel yang baru untuk para penumpang.

Alam Sekitar

Keretapi elektrik yang dijana oleh kuasa elektrik juga merupakan mod pengangkutan yang lebih mesra alam kerana ia tidak mengeluarkan sisa berbahaya, malah menjimatkan tenaga dengan pengeluaran karbon yang lebih rendah.



STRUKTUR-STRUKTUR YANG DI BINA DIBAWAH SKOP PLBE

CIRI-CIRI UTAMA

Jarak	: 329km
Bil. Stesen	: 23
Bil. Jejambat	: 65
Bil. Laluan di bawah Landasan	: 9
Bil. Jejantas Pejalan Kaki & Motorsikal	: 35
Bil. Laluan Pejalan Kaki & Motorsikal di bawah Landasan	: 13
Sistem	: Elektrifikasi, Semboyan & Komunikasi
Struktur Khas	: Terowong Larut (0.33km) : Terowong Berapit (2.97 km) : "Marine Viaduct" Bukit Merah (3.45km) : Jambatan Putar Perai (90m)



Jejambat



"Marine Viaduct" Bukit Merah



Jejantas Pejalan Kaki & Motorsikal



Terowong Berapit, Taiping



Stesen Keretapi Baru



Jambatan Putar Perai

